



## **NOTIS MAKLUMAN PELAKSANAAN BIDAAN TERBUKA *NEW GENERATION CAPACITY IN YEAR 2025 TO 2029***

### **REQUEST FOR PROPOSAL (“RFP”) BAGI PEMILIHAN PEMAJU BERKELAYAKAN**

---

Bagi memastikan kestabilan bekalan elektrik serta memastikan *reserve margin* bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia pada tahap optimum, Suruhanjaya Tenaga (“Suruhanjaya”), bagi pihak Kerajaan, menjemput syarikat atau konsortium yang berminat untuk mengemukakan tawaran bagi membekalkan penjanaan kuasa daripada loji janakuasa gas sedia ada (yang akan atau telah tamat tempoh konsesi) dan baharu yang dijadualkan untuk mula beroperasi antara tahun 2025 hingga 2029.

Sehubungan itu, satu bidaan terbuka *New Generation Capacity In Year 2025 to 2029* akan dilaksanakan seperti berikut:

- Kategori 1 (*Existing Facility/Additional Capacity*) :
  - pelanjutan tempoh konsesi loji janakuasa berdasarkan gas yang telah atau akan tamat tempoh konsesi sedia ada; dan
  - penambahan kapasiti loji janakuasa berdasarkan gas sedia ada.
- Kategori 2 (*New Generation Capacity*) :
  - pembangunan loji janakuasa gas baru.

Selanjutnya, Suruhanjaya ingin mempelawa syarikat atau konsortium yang berminat dan mempunyai pengalaman dalam melaksanakan projek-projek yang berkaitan dengan penjanaan tenaga, termasuk pembiayaan projek dan pengoperasian loji janakuasa untuk mengambil bahagian dalam proses pembidaan kompetitif mengikut kriteria yang ditetapkan dalam dokumen RFP.

Dokumen RFP akan mula dijual dari **13 Mei 2025 jam 9.00 pagi hingga 20 Mei 2025 jam 5.00 petang** secara dalam talian melalui laman sesawang Suruhanjaya iaitu [www.st.gov.my](http://www.st.gov.my) dengan harga **RM10,000.00** bagi setiap dokumen RFP. Penyerahan dokumen bidaan tender yang lengkap hendaklah dihantar secara fizikal dan diterima oleh Suruhanjaya **selewat-lewatnya pada 16 Jun 2025 jam 12 tengah**

**hari bagi Kategori 1 dan 14 Julai 2025 jam 12 tengah hari bagi Kategori 2.**

Sebarang perubahan kepada kaedah penyerahan dokumen tersebut akan dimaklumkan melalui laman sesawang ST.

Suruhanjaya Tenaga (*Energy Commission*),  
12, Jalan Tun Hussein,  
Presint 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia.

[www.st.gov.my](http://www.st.gov.my)  
[newgen25@st.gov.my](mailto:newgen25@st.gov.my)